

PANDUAN PELAKSANAAN DAN SYARAT TAMBAHAN PENTAULIAHAN PUSAT BERTAULIAH BAGI BIDANG PERLADANGAN DAN MEKANISASI PERLADANGAN SAWIT

1. PENDAHULUAN

Panduan Pelaksanaan Dan Syarat Tambahan Pentaualiahan Pusat Bertauliah Bagi Bidang Perladangan Dan Mekanisasi Perladangan Sawit (selepas ini dirujuk sebagai "Panduan ini") bertujuan menetapkan keperluan pelaksanaan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia melalui pusat bertauliah (PB). Panduan ini adalah merupakan syarat-syarat pentaualiahan yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran di bawah Seksyen 28 Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652] dan hendaklah dibaca bersama dengan panduan yang sedang berkuatkuasa seperti berikut :

- 1.1. Panduan Pelaksanaan dan Syarat Pentaualiahan Pusat Bertauliah di Bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia Berasaskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan ;
- 1.2. Panduan Pelaksanaan Sistem Penilaian;
- 1.3. Panduan Pendaftaran Pelatih Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia Melalui Sistem Pentaualiahan; dan
- 1.4. Mana-mana panduan yang berkaitan.

2. TAFSIRAN

“**Dokumen**” ertinya apa-apa dokumen perundangan secara bertulis di antara PB dan Pihak ladang seperti dokumen perjanjian sewaan atau perjanjian pajakan;

“**Dokumen Sementara**” ertinya *Memorandum of Agreement (MoA)*, *Memorandum of Understanding (MoU)*, surat persetujuan atau lain-lain dibenarkan untuk suatu tempoh sementara yang ditetapkan;

“**Ladang**” ertinya sesuatu kawasan yang digunakan bagi tujuan latihan sama ada kebun, mini estet, estet atau ladang yang lengkap mengikut keperluan NOSS.

“**Pemilik Ladang**” ertinya pemilik berdaftar atau mana-mana orang yang mempunyai kuasa yang sah di sisi undang-undang ke atas tanah atau ladang

3. KRITERIA PENTAULIAHAN TAMBAHAN

Mana-mana Penyedia Latihan Kemahiran (PLK) yang hendak memohon sebagai Pusat Bertauliah (PB) hendaklah memenuhi kriteria berikut :

- 3.1 PB hendaklah menyediakan kemudahan latihan utama iaitu tanah atau ladang dengan keluasan minima 10.86 hektar/25 ekar berdasarkan syarat minima 25 pelatih (keluasan nisbah 1 pelatih : 2 ekar @ 120 pokok sawit); Ini adalah berdasarkan kemampuan pelatih iaitu 10 pokok

sehari jika pusingan penuaian adalah 11 hari atau dua (2) pusingan sebulan; dan

3.2 PB hendaklah menyediakan peralatan latihan utama iaitu jentera bagi tujuan latihan kemahiran yang memenuhi keperluan NOSS;

3.3 Mana-mana PB yang tidak memiliki ladang sendiri, PB hendaklah mendapatkan ladang sekurang-kurangnya dengan keluasan yang dinyatakan pada perkara 3.1 melalui syarat-syarat yang ditetapkan dengan mengemukakan dokumen lengkap seperti berikut:

3.3.1 Kaedah sewaan atau pajakan:

3.3.1.1 Mengemukakan salinan asal Perjanjian Sewaan atau Pajakan hendaklah

- a) dimatikan setem;
- b) tempoh perjanjian yang jelas;
- c) kadar sewaan atau pajakan; dan
- d) Obligasi pihak-pihak termasuklah membenarkan pihak kerajaan untuk masuk membuat pemeriksaan bagi tujuan pemantauan latihan.

3.3.1.2 Status pemilikan ladang adalah berdaftar;

3.3.1.3 Keluasan ladang untuk tujuan latihan hendaklah dinyatakan;

3.3.1.4 Tarikh luput sewaan atau pajakan hendaklah sekurang-kurangnya 3 tahun dari tarikh permohonan pentauliahan dikemukakan;

3.3.1.5 Dokumen hendaklah diperbaharui sekurang-kurangnya 6 bulan sebelum tarikh luput kerjasama; dan

3.3.1.6 Dokumen hendaklah mengandungi butiran-butiran berikut:

- a) Nama dan alamat lengkap PB yang ditauliahkan termasuk no. telefon, no. faksimili, emel dan lain-lain;
- b) Butiran orang yang diberi kuasa dan alamat lengkap ladang termasuk no. telefon, no. faksimili, emel dan lain-lain;
- c) Ditandatangani oleh orang yang diberi kuasa dan saksi bagi kedua-dua pihak dan lengkap dengan nama, no. kad pengenalan dan tarikh ditandatangani;
- d) Personel Pentauliahan dan pelatih dibenarkan memasuki Ladang untuk tujuan latihan pada bila-bila masa mengikut keperluan atau mengikut

jadual latihan yang telah dipersetujui di antara kedua-dua pihak;

- e. Jadual pelaksanaan latihan yang lengkap dan telah dipersetujui oleh pemilik ladang;
- f. PB boleh menggunakan kelengkapan dan kemudahan ladang untuk tujuan latihan. Sekiranya PB mempunyai peralatan (*hand tools*) dan kemudahan latihan sendiri, pihak ladang boleh menyediakan tempat penyimpanan peralatan tersebut;
- g. Pihak ladang hendaklah membenarkan penilaian akhir dijalankan di ladang dan juga Pengawai Pengesah Luaran (PPL) bagi melaksanakan verifikasi penilai akhir; dan
- h. JPK boleh pada bila-bila masa yang munasabah mengadakan pemeriksaan ke ladang untuk memastikan kesahihan latihan dijalankan.

3.3.1.7 Dokumen hendaklah ditandatangani oleh pemilik ladang, pusat bertauliah dan saksi bagi kedua-dua pihak dan lengkap dengan Nama, No. Kad Pengenalan dan tarikh ditandatangani.

3.3.2 Syarat bagi menyediakan dokumen sementara:

3.3.2.1 Pusat bertauliah hendaklah mengemukakan dokumen sementara berikut:

- a. Salinan asal dokumen sementara hendaklah disediakan dalam tiga (3) salinan dan dimatikan setem;
- b. Salinan status pemilikan ladang berdaftar;
- c. Tarikh luput dokumen sementara hendaklah sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dari tarikh permohonan dikemukakan; dan
- d. Dokumen sementara hendaklah diperbaharui sekurang-kurangnya enam (6) bulan sebelum tarikh luput kerjasama; dan

3.3.2.2 Dokumen sementara hendaklah mengandungi butiran-butiran berikut:

- a) Nama dan alamat lengkap PB yang ditauliahkan termasuk no. telefon, no. faksimili, emel dan lain-lain;
- b) Butiran orang yang diberi kuasa dan alamat lengkap Ladang termasuk no. telefon, no. faksimili, emel dan lain-lain;

- c) Ditandatangani oleh orang yang diberi kuasa dan saksi bagi kedua-dua pihak dan lengkap dengan nama, no. kad pengenalan dan tarikh ditandatangani;
- d) Personel Pentauliah dan pelatih dibenarkan memasuki Ladang untuk tujuan latihan pada bila-bila masa mengikut keperluan atau mengikut jadual latihan yang telah dipersetujui di antara kedua-dua pihak;
- e) Jadual pelaksanaan latihan yang lengkap;
- f) Pusat bertauliah boleh menggunakan kelengkapan dan kemudahan Ladang untuk tujuan latihan. Sekiranya PB mempunyai peralatan (*hand tools*) dan kemudahan latihan sendiri, pihak Ladang boleh menyediakan tempat penyimpanan peralatan tersebut; dan
- g) Pihak ladang hendaklah membenarkan penilaian akhir di ladang dan juga Pegawai Pengesah Luaran (PPL) atau mana-mana orang yang dilantik oleh JPK bagi melaksanakan verifikasi penilaian akhir; dan
- h) JPK boleh pada bila-bila masa yang munasabah mengadakan pemeriksaan ke Ladang untuk memastikan kesahihan latihan dijalankan.

3.3.2.3 Dokumen sementara hendaklah diperbaharui sebelum tamat tempoh pentauliahan.

- 3.4 Ladang yang disediakan hendaklah memenuhi semua keperluan CU (*Competency Unit*) dalam NOSS (contoh : semaian, penuaian, jentera dan lainnya)
- 3.5 Lokasi ladang yang melebihi 25km dari premis yang ditauliahkan, PB hendaklah menyediakan kemudahan penginapan di Ladang atau yang berhampiran kepada pelatih dan personel pentauliahan yang terlibat. Kemudahan penginapan yang disediakan hendaklah lengkap dengan kemudahan asas.
- 3.6 PB hendaklah memastikan dan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kebajikan dan keselamatan pelatih dan personel latihan semasa berada di Ladang.
- 3.7 PB digalakkan menyediakan perlindungan insuran kepada pelatih yang menjalankan latihan. Pihak JPK tidak bertanggungjawab ke atas apa-apa kemalangan yang berlaku.
- 3.8 PB hendaklah menyediakan kemudahan pengangkutan kepada pelatih daripada premis yang ditauliahkan ke ladang untuk menjalani latihan.

4. TARIKH KUATKUASA

Panduan pelaksanaan dan syarat tambahan pentauliahan pusat
bertauliah bagi bidang perladangan dan mekanisasi perladangan sawit
ini berkuatkuasa ...1 JUN 2014.....

Diluluskan



.....
Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran
Jabatan Pembangunan Kemahiran

Tarikh :14/5/2014.....